

Wujud undang-undang khas bendung pesta hiburan melampau

Ketika seluruh negara sibuk memberi fokus kepada isu keganasan Israel di Gaza serta tragedi kehilangan pesawat Malaysian Airlines (MAS) MH370 dan MH17, seluruh negara digemparkan dengan insiden pesta sukan bogel di Pulau Pinang. Pesta itu mula hangat diperkatakan apabila video mengenainya tersebar secara meluas di laman sosial. Video selama 5 minit 52 saat bertajuk 'Pesta Bogel Di Teluk Bahang, Penang' itu memaparkan sekumpulan lelaki dan wanita melukis di badan dalam keadaan bogel, menari serta mengadakan acara sukan di Pantai Teluk Kampi.

Tersebar luas

Rakaman aktiviti sukan berbogel yang tersebar luas di internet dipercayai mengambil tempat di Teluk Kampi yang terletak dalam Taman Negara Pulau Pinang. Taman Negara Pulau Pinang adalah taman negara paling kecil di Malaysia dan statusnya telah diwartakan pada tahun 2003. Di sekitar Teluk Kampi ada Pantai Kerachut yang indah dan turut menjadi tempat pembiakan penyu.

Hingga kini pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) sudah mengenal pasti 15 individu yang dipercayai terlibat dalam aktiviti sukan dalam keadaan berbogel itu baru-baru ini. Pada minggu yang lalu, Ketua Polis negeri, Datuk Abdul Rahim Hanafi, berkata pihaknya sedang mengesan semua individu terlibat bagi melengkapkan siasatan berhubung kes itu.

Menurut beliau, berdasarkan maklumat diperoleh, tujuh individu dikenal pasti terlibat dipercayai warga tempatan, manakala empat lagi warga negara Singapura. Tambahnya, dua lagi indi-



Keratan akhbar BH 6 Ogos lalu mengenai kegiatan tidak bermoral di Pantai Teluk Kampi, Pulau Pinang.

vidu dipercayai warga negara Myanmar, manakala seorang dari Filipina dan India. Menurut polis, kes terbabit akan disiasat di bawah Seksyen 509 Akta Kanun Keseksaan (Akta 574). Seksyen terbabit memperuntukkan bahawa sesiapa dengan maksud hendak mengaibkan kehormatan seseorang, menyebut apa-apa perkataan, bunyi atau isyarat, atau menunjukkan apa-apa benda, dengan maksud supaya perkataan atau bunyi itu didengar, atau supaya isyarat atau benda itu dilihat oleh seseorang itu, atau mengganggu kesantunan seseo-

rang itu, hendaklah dipenjarakan sehingga lima tahun, atau didenda, atau kedua-duanya. Walaupun wujud undang-undang dalam Kanun Keseksaan, perkara terbabit tetap berlaku, malah insiden yang membabitkan pesta bogel bukan satu insiden yang baharu berlaku, malah banyak kali dilaporkan melalui media massa cetak serta elektronik di dalam negara kita.

Kes babit rakyat tempatan

Walaupun ada kes membabitkan rakyat tempatan, ada juga kes membabitkan warga asing. Perkara ini berkemungkinan berlaku

Polis siasat aktiviti sukan bogel di Teluk Bahang

Georgetown: Polis akan menjejaskan perburuan sekumpulan pesunang yang melakukan sukan bogel di pantai di Teluk Bahang di situ yang videonya diebarkan dalam internet.

Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Abdul Rahim Hanafi, berkata kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 509 Kanun Keseksaan kerana melakukan perbuatan luhur.

Beliau berkata, polis juga akan mengesan identiti mereka yang terbabit dalam rakaman itu serta pihak pengasas pesta berkenaan.

"Setakat ini, kita sudah menerima laporan daripada beberapa individu berhubung video terbabit," katanya ketika dihubungi BH di sini, semalam.

Beliau diminta mengatas timbalan sekumpulan peminat pantai dipercayai Pantai Teluk Kampi, Teluk Bahang, yang melakukan sekannya dalam keadaan bogel.

Sementara itu, Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng, berkata beliau tidak mempunyai maklumat mengenai per-

nganjuran sukan tidak bermoral itu adalah...

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bharian.com.my

da terus berlaku di Malaysia seperti pengenalan Akta Penyelenggaraan Tatacara Sosial yang dapat membendung dengan jelas melalui peruntukan di dalamnya perkara yang bertentangan dengan adat serta tatacara kehidupan masyarakat umum yang wujud.

Jangan keterlaluan

Tidak salah untuk seseorang itu untuk berhibur dan bergembira tetapi mestilah tidak keterlaluan dan melampaui batas dalam meruntun hawa nafsu yang sememangnya tidak pernah kunjung puas biar 1001 keseronokan dianjurkan. Pesta hiburan dan keseronokan melampau yang membawa implikasi buruk pada moral, minda, akhlak dan peradaban seperti pesta seks bebas, pesta tarian bogel ataupun lucah, pesta bebas membabitkan pengambilan dadah haruslah dibendung dan dicegah daripada awal sebelum ia mempengaruhi generasi muda yang mudah terpengaruh dengan aktiviti tidak bermoral.

Dr Muzaffar Syah Mallow,
Pensyarah Kanan
Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Universiti Sains Islam Malaysia